

# PENGETAHUAN DAN SIKAP MAHASISWA PENDIDIKAN GEOGRAFI TERHADAP AKTIVITI KESUKARELAWANAN DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

*Knowledge and Attitudes of Geography Education Students toward Volunteer Activities at Sultan Idris Education University*

MOHD FIRDAUS MALAIL<sup>1</sup>, KAMARUL ISMAIL<sup>2</sup>, & NURZAIMAH ASALAL<sup>3</sup>

<sup>1,2</sup>Jabatan Geografi dan Alam Sekitar, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia

<sup>3</sup>Jabatan Pengajian Malaysia, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia

\*Corresponding author: Mohd Firdaus Malail

Email: [d20212099089@siswa.upsi.edu.my](mailto:d20212099089@siswa.upsi.edu.my)

Received: 07 August 2025; Revised: 24 Sept 2025; Accepted: 22 Nov 2025; Published: 26 Dec 2025

To cite this article: Malail, M. F., Ismail, K., & Asalal, N. (2025). Pengetahuan dan Sikap Mahasiswa Pendidikan Geografi terhadap Aktiviti Kesukarelawanan di Universiti Pendidikan Sultan Idris. *GEOGRAFI*, 13(2), 176-189. <https://doi.org/10.37134/geografi.vol13.2.9.2025>

**ABSTRAK** Manuskrip ini bertujuan untuk meneliti pengetahuan, dan sikap mahasiswa pendidikan Geografi terhadap aktiviti kesukarelawanan di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif reka bentuk tinjauan deskriptif. Sampel kajian terdiri daripada 181 orang mahasiswa pendidikan Geografi. Analisis deskriptif (min, sisihan piawai, kekerapan dan peratus) dan analisis inferensi (korelasi Pearson) digunakan untuk menjawab objektif kajian. Dapatan kajian menunjukkan tahap pengetahuan tentang pendidikan Geografi yang diaplikasikan dalam kesukarelawanan menunjukkan ( $M=4.70$ ,  $SP=.35$ ) dan sikap mahasiswa terhadap pengalaman penglibatan diri dalam aktiviti kesukarelawanan ( $M=4.73$ ,  $SP=.33$ ) berada pada tahap yang tinggi. Hasil analisis ujian korelasi Pearson menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara tahap pengetahuan dan sikap mahasiswa pendidikan Geografi terhadap aktiviti kesukarelawanan ( $r=0.71$  sig=.00 <0.05). Kesimpulannya, hasil kajian menunjukkan mahasiswa pendidikan Geografi mempunyai tahap pengetahuan yang boleh diaplikasikan dalam aktiviti kesukarelawanan serta mempunyai sikap yang baik dalam penglibatan diri terhadap aktiviti kesukarelawanan. Tahap pengetahuan mempunyai hubungan yang kuat dengan sikap mahasiswa pendidikan Geografi. Implikasi kajian ini boleh digunakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menyemak semula kurikulum dan kokurikulum yang membantu dalam meningkatkan dan membangunkan sahsiah dan kemahiran insaniah dalam diri setiap mahasiswa melalui penglibatan dalam aktiviti kesukarelawanan.

**Kata Kunci:** Geografi, Kesukarelawanan, Mahasiswa, Pengetahuan, Sikap

**ABSTRACT** *This manuscript aims to examine the knowledge and attitudes of Geography education students toward volunteer activities at Universiti Pendidikan Sultan Idris. This study employs a quantitative approach using a descriptive survey design. The study sample consists of 181 Geography education students. Descriptive analyses (mean, standard deviation, frequency, and percentage) and inferential analysis (Pearson correlation) were used to address the research objectives. The findings indicate that the level of knowledge of Geography education applied in volunteer activities ( $M = 4.70$ ,  $SD = 0.35$ ) and students' attitudes toward their involvement experiences in volunteer activities ( $M = 4.73$ ,  $SD = 0.33$ ) are at a high level. The results of the Pearson correlation analysis show a significant positive relationship between the level of knowledge and the attitudes of Geography education students toward volunteer activities ( $r = 0.71$ ,  $\text{sig} = 0.00 < 0.05$ ). In conclusion, the findings show that Geography education students possess a level of knowledge that can be applied in volunteer activities and demonstrate positive attitudes toward participation in such activities. The level of knowledge has a strong relationship with the attitudes of Geography education students. The implications of this study can be used by the Ministry of Education Malaysia to review and enhance curricula and co-curricular activities that help improve and develop character and soft skills among students through involvement in volunteer activities.*

**Keywords:** Geography, Volunteering, Students, Knowledge, Attitude.

## 1. Pengenalan

Geografi adalah subjek yang penting dalam kurikulum pendidikan kerana subjek ini membantu pelajar untuk memahami keadaan dunia di sekeliling mereka (Zohir, 2016). Pengajaran Geografi yang berkesan diharapkan dapat menyediakan asas pengetahuan dan pemahaman yang diperlukan untuk pelajar menghadapi realiti kehidupan seharian yang kompleks, termasuk isu alam sekitar, kesukarelawanan dan kelestarian alam yang mana berkait dengan kehidupan seharian di sekeliling mereka. Pengetahuan ini penting kerana boleh diaplikasikan dalam dunia sebenar.

Kesukarelawanan merupakan salah satu cabang ilmu yang terdapat dalam bidang kerja sosial. "Kesukarelaan adalah amalan murni dan mempunyai nilai yang tinggi (Nasir, Aisyah & Norlina, 2014)". Menurut kajian Nasir, Aisyah dan Norlina (2014), amalan kesukarelawanan adalah amalan mulia yang tinggi nilai baiknya. Memupuk semangat kesukarelawanan ini sangat penting dalam diri setiap insan. Dalam islam juga, aktiviti kesukarelawanan ini amat digalakkan kerana boleh melahirkan insan yang memiliki nilai kepedulian dan sikap prihatin yang tinggi antara satu sama lain dalam kalangan anggota masyarakat.

Ilmu pengetahuan geografi amat berkait rapat dengan aktiviti kesukarelawanan. Ini kerana, ilmu geografi adalah ilmu sains mengenai fitur-fitur alam semula jadi yang merangkumi topografi, iklim, tanah, tumbuh-tumbuhan dan tindak balas manusia terhadap alam semula jadi (Hadi et al. 2013) Bahkan, dalam ilmu geografi terdapat satu cabang yang mengkaji secara khusus hubungan interaksi antara alam dan manusia yang disebut sebagai ilmu geografi manusia.

Gabungan ilmu pengetahuan geografi dengan aktiviti kesukarelawanan membolehkan para pelajar mengaplikasikan teori yang dipelajari di bilik kuliah di persekitaran kehidupan sebenar. Sebagai contoh, pengetahuan ilmu geografi mengenai topografi seperti pengetahuan mengenai bentuk muka bumi membolehkan para pelajar mempraktiskannya dalam kerja-kerja kesukarelawanan seperti misi bantuan bencana alam.

Menerusi aktiviti kesukarelawanan, Manfaat pengetahuan ilmu geografi dalam aktiviti kesukarelawanan yang sedemikian maka kertas kerja ini meneliti pengetahuan mahasiswa pendidikan geografi terhadap aktiviti kesukarelawanan di UPSI. Pengetahuan mahasiswa pendidikan geografi terhadap aktiviti kesukarelawanan diteliti berdasarkan sikap dan penglibatan mereka dalam aktiviti kesukarelawanan.

## 2. Sorotan Literatur

Literatur melaporkan bahawa pelajar Geografi kurang memiliki pendedahan penglibatan dalam aktiviti berbentuk kesukarelawanan atau aktiviti bersama komuniti. Justeru menyebabkan mereka kurang mengaplikasikan kemahiran yang dipelajari di dewan kuliah di lapangan sebenar. Pernyataan ini diperkukuhkan oleh sarjana Yarwood (2005) iaitu *"Many universities have student societies that engage with charity or voluntary work, but it is rare that work with local communities is part of the geography student's learning experience"* (Yarwood, 2005). Berdasarkan pernyataan Yarwood di atas jelas bahawa setiap universiti mempunyai persatuan pelajar yang menggalakkan para pelajar untuk terlibat sama dalam kerja-kerja kebajikan atau kesukarelawan tetapi sangat jarang bagi para pelajar geografi untuk diberikan peluang melibatkan diri dalam aktiviti komuniti setempat sebagai sebahagian daripada proses pembelajaran mereka.

Menurut Yarwood (2005), *Department for Education and Skills, 2001* dalam pendidikan menengah, kerja sukarela telah menjadi sebahagian daripada kurikulum kebangsaan dengan pengenalan kelas kewarganegaraan di sekolah rendah dan menengah. Pengajaran kewarganegaraan bertujuan untuk membangunkan penghargaan terhadap tiga idea utama iaitu tanggungjawab sosial dan moral, penglibatan dalam komuniti dan literasi politik. Negara luar seperti UK kerja sukarela bersama komuniti setempat telah lama diakui memberi manfaat kepada pelajar, institusi pengajian tinggi (IPT) dan masyarakat umum. Banyak universiti mempunyai persatuan pelajar yang terlibat dalam kerja kebajikan atau kesukarelawanan, namun penglibatan secara langsung dengan komuniti setempat jarang dijadikan sebahagian daripada pengalaman pembelajaran pelajar Geografi.

Kesukarelawanan dalam kajian ini adalah berkait dengan bidang Geografi. Bidang kesukarelawanan ini telah pun diajar sejak di bangku sekolah lagi. Menurut Yarwood (2005) dalam *Department for Education and Skills, 2001* dalam pendidikan menengah, kerja sukarela telah menjadi sebahagian daripada kurikulum kebangsaan dengan pengenalan kelas kewarganegaraan di sekolah rendah dan menengah. Situasi ini agak mempunyai persamaan bagi negara Malaysia. Di Malaysia, kursus kesukarelawanan di tawarkan diperingkat universiti dan menjadi kursus wajib yang perlu diambil oleh setiap calon pelajar peringkat sarjana muda yang mengikuti pengajian di universiti awam, terutama bagi universiti yang mensyaratkan kursus tersebut sebagai syarat wajib bergraduasi. Sehingga kini masih kurang kajian tempatan yang meneliti pengetahuan dan penglibatan pelajar pendidikan geografi dalam aktiviti kesukarelawanan. Oleh itu kajian ini dilaksanakan untuk mendapatkan maklumat mengenai *pengetahuan, dan sikap mahasiswa pendidikan Geografi terhadap aktiviti kesukarelawanan di Universiti Pendidikan Sultan Idris*. Aktiviti kesukarelawanan yang diteliti dalam kajian ini adalah aktiviti yang berhubungkait dengan ilmu pengetahuan Geografi.

### **2.1 Pendekatan Teori**

Teori Hierarki Keperluan Maslow adalah teori keperluan yang tersusun dalam suatu hierarki. Keperluan pada tingkat yang paling bawah adalah keperluan fisiologis, dan keperluan pada tingkat yang paling tinggi adalah keperluan penyempurnaan sendiri. Teori ini telah diperkenalkan oleh Abraham Maslow bagi meningkatkan motivasi manusia dalam mencapai kepuasan sendiri. Dalam konteks pendidikan Geografi, khususnya melalui bidang Geografi Penduduk, teori motivasi Maslow menekankan kepentingan keperluan fisiologi asas seperti makanan dan tempat tinggal serta kesan negatif jika keperluan ini diabaikan, contohnya kebuluran. Keadaan ini menimbulkan rasa empati dan keprihatinan dalam konteks kesukarelawanan terhadap golongan yang memerlukan bantuan. Penglibatan dalam aktiviti kesukarelawanan dapat dilihat sebagai tindak balas terhadap pengabaian keperluan asas tersebut, dan menurut Muhibbin & Marfuatun (2020), setelah keperluan fisiologi dipenuhi, individu akan beralih kepada keperluan keselamatan sebagai tahap seterusnya.


## **3. Metodologi**

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang melibatkan kajian tinjauan iaitu menerusi pengedaran set borang soal selidik kepada responden kajian. . Borang soal selidik telah dibina berdasarkan soalan-soalan kajian yang berkaitan kemudian kesahan oleh beberapa orang pakar dilakukan. Dalam soal selidik, bahagian A adalah demografi responden, bahagian B adalah tahap pengetahuan tentang Geografi yang berkaitan dengan kesukarelawanan di kalangan mahasiswa

Geografi, dan bahagian C adalah sikap mahasiswa pendidikan Geografi terhadap penglibatan diri dalam aktiviti kesukarelawanan. Soal selidik ini menggunakan skala likert.

Dalam konteks kajian ini, sampel kajian terdiri daripada populasi mahasiswa pendidikan Geografi UPSI dengan jumlah seramai 344 orang mahasiswa. Berpandukan jadual pengiraan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970), bagi jumlah populasi jumlah populasi 344 orang, saiz sampel yang sesuai adalah seramai 181 mahasiswa. sampel.

Kajian ini dijalankan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sebagai lokasi kajian. Pemilihan lokasi ini adalah bersesuaian dengan tajuk kajian kerana penyelidikan ini ingin mengkaji hubungan kait antara pendidikan Geografi dengan kesukarelawanan dalam melihat hubungan antara pengetahuan dan tindakan di kalangan mahasiswa pendidikan Geografi UPSI.



**Rajah 1.** Lokasi Kajian Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

Sumber: ArcGIS Versi 27

#### 4. Hasil kajian

Hasil kajian dibentangkan dalam bentuk jadual. Dapatan yang dikemukakan disokong oleh jadual, graf, dan ilustrasi lain untuk membantu dalam memahami hasil kajian dengan lebih jelas.

#### 4.1 Latar Belakang

Latar belakang responden dan dibahagikan kepada dua iaitu demografi responden dan maklumat asas kesukarelawan.

Jadual 1 menunjukkan hasil analisis demografi responden kajian. Daripada keseluruhan 181 orang responden, majoriti adalah lelaki seramai 107 orang (59.1%), manakala selebihnya terdiri daripada perempuan iaitu seramai 74 orang (40.9%). Dapatan ini menunjukkan wujud sedikit ketidakseimbangan jantina dalam kalangan responden, dengan penglibatan pelajar lelaki yang lebih tinggi berbanding pelajar perempuan. Dari segi latar belakang agama, majoriti responden beragama Islam iaitu seramai 108 orang (59.7%), diikuti oleh responden beragama Kristian seramai 70 orang (38.7%). Seterusnya, responden beragama Hindu dan Buddha masing-masing mencatatkan bilangan yang kecil, iaitu 2 orang (1.1%) dan 1 orang (0.6%). Taburan kaum responden menunjukkan kepelbagaian yang agak seimbang. Kaum Melayu merupakan kumpulan terbesar dengan seramai 80 orang (44.2%), diikuti oleh Bumiputera Sabah seramai 51 orang (28.2%) dan Bumiputera Sarawak seramai 34 orang (18.8%). Responden daripada kaum Cina dan India masing-masing mencatatkan peratusan yang lebih rendah, iaitu 5.5% dan 3.3%. Dari segi semester pengajian, majoriti responden merupakan pelajar Semester 4, iaitu seramai 60 orang (33.1%). Ini diikuti oleh pelajar Semester 7 seramai 45 orang (24.9%), Semester 6 seramai 41 orang (22.7%) dan Semester 2 seramai 35 orang (19.3%).

#### Jadual 1.

*Maklumat sosiodemografi responden*

| Item               | Sub-item           | Kekerapan (N) | Peratus (%) |
|--------------------|--------------------|---------------|-------------|
| Jantina            | Lelaki             | 107           | 59.1        |
|                    | Perempuan          | 74            | 40.9        |
|                    | <b>Jumlah</b>      | <b>181</b>    | <b>100</b>  |
| Agama              | Islam              | 108           | 59.7        |
|                    | Kristian           | 70            | 38.7        |
|                    | Hindu              | 2             | 1.1         |
|                    | Buddha             | 1             | 0.6         |
|                    | <b>Jumlah</b>      | <b>181</b>    | <b>100</b>  |
| Kaum               | Melayu             | 80            | 44.2        |
|                    | India              | 6             | 3.3         |
|                    | Cina               | 10            | 5.5         |
|                    | Bumiputera Sabah   | 51            | 28.2        |
|                    | Bumiputera Sarawak | 34            | 18.8        |
|                    | <b>Jumlah</b>      | <b>181</b>    | <b>100</b>  |
| Semester pengajian | Semester 2         | 35            | 19.3        |
|                    | Semester 4         | 60            | 33.1        |
|                    | Semester 6         | 41            | 22.7        |
|                    | Semester 7         | 45            | 24.9        |
|                    | <b>Jumlah</b>      | <b>181</b>    | <b>100</b>  |

Jadual 2 menunjukkan kesemua responden (100%) menyatakan bahawa mereka pernah terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan. Ini menunjukkan bahawa kajian ini melibatkan responden yang berpengalaman dalam bidang kesukarelawanan, menjadikannya sangat sesuai untuk menilai tahap pengetahuan, sikap dan pengaplikasian mereka dalam konteks tersebut. Jenis kesukarelawanan paling banyak disertai ialah alam sekitar (54.7%), diikuti oleh khidmat komuniti (38.7%). Penglibatan dalam membantu kumpulan rentan adalah jauh lebih rendah (6.6%) dan tiada penglibatan langsung dalam bidang psikologi (0%). Ini menunjukkan minat dan peluang lebih banyak tertumpu kepada aktiviti berkaitan persekitaran dan komuniti umum, manakala aktiviti yang lebih khusus seperti psikososial kurang diterokai. Bidang kesukarelawanan psikososial adalah menyantuni golongan yang memerlukan seseorang sebagai tempat berkongsi cerita dan memahami perasaan serta emosi mereka. Majoriti responden (44.8%) telah menyertai aktiviti kesukarelawanan antara 6 hingga 10 kali, manakala 35.4% hanya terlibat sebanyak 0 hingga 5 kali. Hanya 19 responden (10.5%) yang mempunyai penglibatan melebihi 16 kali, menunjukkan masih terdapat ruang untuk meningkatkan penglibatan secara lebih konsisten.

## Jadual 2.

### *Maklumat Asas Kesukarelawanan*

| Item                                                         | Sub-item            | Kekerapan (N) | Peratus (%) |
|--------------------------------------------------------------|---------------------|---------------|-------------|
| Adakah anda pernah terlibat dengan aktiviti kesukarelawanan? | Ya                  | 181           | 100         |
|                                                              | Tidak               | 0             | 0           |
|                                                              | <b>Jumlah</b>       | <b>181</b>    | <b>100</b>  |
| Jenis kesukarelawanan yang pernah anda terlibat.             | Alam Sekitar        | 99            | 54.7        |
|                                                              | Khidmat Komuniti    | 70            | 38.7        |
|                                                              | Kumpulan Rentan     | 12            | 6.6         |
|                                                              | Psikologi           | 0             | 0           |
|                                                              | <b>Jumlah</b>       | <b>181</b>    | <b>100</b>  |
| Kekerapan penglibatan dalam aktiviti kesukarelawanan.        | 0-5 Kali            | 64            | 35.4        |
|                                                              | 6-10 kali           | 81            | 44.8        |
|                                                              | 11- 15 kali         | 17            | 9.4         |
|                                                              | 16 kali dan ke atas | 19            | 10.5        |
|                                                              | <b>Jumlah</b>       | <b>181</b>    | <b>100</b>  |

## 4.2 Tahap Pengetahuan Tentang Pendidikan Geografi yang Diaplikasikan dalam Kesukarelawanan di Kalangan Mahasiswa Geografi

Berdasarkan data yang diperoleh di Jadual 3, tahap kesedaran pelajar terhadap aplikasi pengetahuan Geografi dalam aktiviti kesukarelawanan adalah sangat tinggi, dengan skor min keseluruhan 4.70 dan sisihan piawai 0.35. Kesemua pernyataan menunjukkan tahap yang tinggi, pelajar memahami kepentingan isu tempatan,

global, perubahan iklim, kitar semula, dan teknologi dalam membantu masyarakat. Hasil kajian juga mendapati, pernyataan tertinggi ialah kesedaran terhadap isu tempatan (4.84), manakala yang terendah ialah penggunaan GIS dalam bantuan bencana (4.40). Secara keseluruhan, pelajar menunjukkan tahap kesedaran sosial dan kesiapsiagaan yang baik untuk terlibat dalam aktiviti kesukarelawananan berasaskan Geografi

### Jadual 3.

*Tahap Pengetahuan Tentang Pendidikan Geografi yang Diplikasikan dalam Kesukarelawananan di Kalangan Mahasiwa Geografi*

| Pernyataan                                                                                                                                          | Kekerapan  |            |            |              |               | Skor Min | Skor SP | Tahap Skor Min |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------|------------|------------|--------------|---------------|----------|---------|----------------|
|                                                                                                                                                     | STS (%)    | TS (%)     | KS (%)     | S (%)        | SS (%)        |          |         |                |
| Saya sedar pengetahuan saya tentang isu tempatan memberi kesedaran kepada saya berkaitan persekitaran sosial. (kesedaran terhadap masyarakat).      | 0<br>(0)   | 0<br>(0)   | 2<br>(1.1) | 25<br>(13.8) | 154<br>(85.1) | 4.84     | 0.40    | Tinggi         |
| Saya sedar pengetahuan saya tentang isu global memberi kesedaran kepada saya berkaitan persekitaran sosial. (kesedaran terhadap masyarakat).        | 0<br>(0)   | 0<br>(0)   | 4<br>(2.2) | 55<br>(30.4) | 122<br>(67.4) | 4.65     | 0.52    | Tinggi         |
| Saya tahu bahawa pengetahuan tentang perubahan iklim membantu untuk misi bantuan terhadap kemudahterancaman suatu kawasan.                          | 0<br>(0)   | 0<br>(0)   | 2<br>(1.1) | 46<br>(25.4) | 133<br>(73.5) | 4.72     | 0.47    | Tinggi         |
| Saya tahu bahawa pengetahuan Geografi manusia seperti Geografi sosial boleh diaplikasikan dalam aktiviti kesukarelawananan.                         | 3<br>(1.7) | 0<br>(0)   | 0<br>(0)   | 49<br>(27.1) | 129<br>(71.3) | 4.66     | 0.65    | Tinggi         |
| Saya tahu bahawa subjek Geografi Malaysia boleh diaplikasikan dalam aktiviti kesukarelawananan.                                                     | 3<br>(1.7) | 2<br>(1.1) | 2<br>(1.1) | 39<br>(21.5) | 135<br>(74.5) | 4.66     | 0.72    | Tinggi         |
| Saya tahu pengetahuan tentang jumlah penduduk yang dipelajari dalam subjek Geografi membantu saya dalam perancangan misi bantuan kesukarelawananan. | 2<br>(1.1) | 2<br>(1.1) | 4<br>(2.2) | 50<br>(27.6) | 123<br>(68)   | 4.60     | 0.70    | Tinggi         |
| Saya tahu pengetahuan tentang teknologi seperti cara penyebaran maklumat boleh digunakan dalam mengetahui kawasan yang memerlukan bantuan.          | 0<br>(0)   | 0<br>(0)   | 0<br>(0)   | 42<br>(23.2) | 139<br>(76.8) | 4.77     | 0.42    | Tinggi         |
| Saya tahu pengetahuan tentang                                                                                                                       | 4          | 2          | 23         | 40           | 112           | 4.40     | 0.91    | Tinggi         |

*bersambung*



|                                                                                                                                |          |            |          |              |               |             |             |        |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------|------------|----------|--------------|---------------|-------------|-------------|--------|
| Sistem Maklumat Geografi (GIS) boleh membantu saya bertindak sebagai sukarelawan mangsa bencana mengikut lokasi yang terancam. | (2.2)    | (1.1)      | (12.7)   | (22.1)       | (61.9)        |             |             |        |
| Saya tahu pengetahuan tentang kitar semula boleh membantu mewujudkan bandar rendah karbon.                                     | 0<br>(0) | 0<br>(0)   | 0<br>(0) | 35<br>(19.3) | 146<br>(80.7) | 4.80        | 0.40        | Tinggi |
| Saya tahu sukarelawan menjalankan aktiviti penanaman pokok adalah untuk tujuan mengawal perubahan iklim.                       | 0<br>(0) | 2<br>(1.1) | 0<br>(0) | 40<br>(22.1) | 139<br>(76.8) | 4.75        | 0.51        | Tinggi |
| <b>Jumlah Keseluruhan</b>                                                                                                      |          |            |          |              |               | <b>4.70</b> | <b>0.35</b> |        |

Skor Min : 1.00-2.33 (Rendah), 2.34-3.66 (Sederhana). 3.67-5.00 (Tinggi)

Petunjuk : STS = Sangat Tidak Setuju, TS = Tidak Setuju, KS = Kurang Setuju, S = Setuju, SS = Sangat Setuju

#### 4.3 Sikap Mahasiswa Pendidikan Geografi Terhadap Pengalaman Penglibatan Diri dalam Aktiviti Kesukarelawanan

Jadual 4 menunjukkan, sikap mahasiswa pendidikan Geografi dalam pengalaman penglibatan diri dalam kesukarelawanan menunjukkan tahap yang sangat tinggi, dengan skor min keseluruhan 4.73 dan sisihan piawai 0.33. Hal ini menunjukkan bahawa mahasiswa Geografi menunjukkan sikap yang baik setelah terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan. Pernyataan tertinggi ialah *kesukarelawanan membentuk sahsiah diri unggul* (4.87), manakala yang paling rendah ialah *melibatkan diri dalam kutipan derma bencana alam* (4.57), yang masih pada tahap tinggi tetapi menunjukkan sedikit keraguan dalam penglibatan langsung terhadap situasi bencana.

#### Jadual 4.

*Sikap Mahasiswa Pendidikan Geografi Terhadap Pengalaman Penglibatan Diri dalam Aktiviti Kesukarelawanan*

| Pernyataan                                                                                                      | Kekerapan |          |            |              |               | Skor Min | Skor SP | Tahap Skor Min |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------|----------|------------|--------------|---------------|----------|---------|----------------|
|                                                                                                                 | STS (%)   | TS (%)   | KS (%)     | S (%)        | SS (%)        |          |         |                |
| Kesukarelawanan membentuk sahsiah diri yang unggul.                                                             | 0<br>(0)  | 0<br>(0) | 2<br>(1.1) | 20<br>(11)   | 159<br>(87.8) | 4.87     | 0.37    | Tinggi         |
| Kesukarelawanan menjadikan saya lebih bertoleransi terhadap kepelbagaian budaya (latar belakang individu lain). | 0<br>(0)  | 0<br>(0) | 2<br>(1.1) | 54<br>(29.8) | 125<br>(69.1) | 4.68     | 0.49    | Tinggi         |

bersambung

|                                                                                                       |            |            |             |              |               |             |             |        |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------|------------|-------------|--------------|---------------|-------------|-------------|--------|
| Kesukarelawanan dapat membangunkan kepimpinan.                                                        | 0<br>(0)   | 0<br>(0)   | 2<br>(1.1)  | 46<br>(25.4) | 133<br>(73.5) | 4.72        | 0.47        | Tinggi |
| Kesukarelawanan menjadikan saya mampu bekerjasama dengan orang lain demi mencapai matlamat yang sama. | 0<br>(0)   | 0<br>(0)   | 4<br>(2.2)  | 45<br>(24.9) | 132<br>(72.9) | 4.70        | 0.50        | Tinggi |
| Kesukarelawanan membuatkan saya bersedia berkolaborasi dengan mahasiswa lain.                         | 0<br>(0)   | 0<br>(0)   | 4<br>(2.2)  | 40<br>(22.1) | 137<br>(75.7) | 4.73        | 0.49        | Tinggi |
| Saya gembira melibatkan diri dengan aktiviti membantu golongan gelandangan.                           | 0<br>(0)   | 0<br>(0)   | 2<br>(1.1)  | 45<br>(24.9) | 134<br>(74)   | 4.73        | 0.47        | Tinggi |
| Saya sedia melibatkan diri dengan aktiviti kebajikan menguruskan rumah anak-anak yatim.               | 0<br>(0)   | 0<br>(0)   | 5<br>(2.8)  | 41<br>(22.7) | 135<br>(74.6) | 4.72        | 0.51        | Tinggi |
| Saya boleh bekerjasama dengan komuniti untuk aktiviti gotong-royong.                                  | 0<br>(0)   | 0<br>(0)   | 2<br>(1.1)  | 30<br>(16.6) | 149<br>(82.3) | 4.81        | 0.42        | Tinggi |
| Saya berani melibatkan diri dengan aktiviti mengurus dan mengutip derma bencana alam.                 | 2<br>(1.1) | 2<br>(1.1) | 13<br>(7.2) | 37<br>(20.4) | 127<br>(70.2) | 4.57        | 0.77        | Tinggi |
| Saya dapat membina hubungan yang positif dalam persekitaran sosial.                                   | 0<br>(0)   | 0<br>(0)   | 2<br>(1.1)  | 40<br>(22.1) | 139<br>(76.8) | 4.76        | 0.46        | Tinggi |
| <b>Jumlah Keseluruhan</b>                                                                             |            |            |             |              |               | <b>4.73</b> | <b>0.33</b> |        |

Skor Min : 1.00-2.33 (Rendah), 2.34-3.66 (Sederhana). 3.67-5.00 (Tinggi)

Petunjuk : STS = Sangat Tidak Setuju, TS = Tidak Setuju, KS = Kurang Setuju, S = Setuju, SS = Sangat Setuju

#### **4.4 Analisis Hubungan antara Tahap Pengetahuan dan Sikap Mahasiswa Pendidikan Geografi Terhadap Aktiviti Kesukarelawanan**

Berdasarkan hasil kajian yang ditunjukkan pada Jadual 5 menunjukkan nilai pekali korelasi yang diperoleh dari hasil analisis yang telah dijalankan. Kajian ini mendapati bahawa nilai pekali korelasi Pearson antara tahap pengetahuan dan sikap adalah  $r=0.71$ ,  $p=0.00$  ( $p<0.05$ ). Melalui dapatan kajian ini, menunjukkan bahawa kedua-dua pemboleh ubah berhubung secara positif dengan kekuatan perhubungan pada tahap kuat. Maka hipotesis nol ( $H_0$ ) iaitu tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dan sikap mahasiswa pendidikan Geografi terhadap aktiviti kesukarelawanan adalah ditolak dan menerima hipotesis alternatif ( $H_a$ ) yang menyatakan terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dan sikap mahasiswa pendidikan Geografi terhadap aktiviti kesukarelawanan. Oleh itu, wujudnya hubungan yang kuat antara tahap pengetahuan dan sikap mahasiswa pendidikan Geografi terhadap aktiviti kesukarelawanan.

**Jadual 5.**

*Analisis Hubungan antara Tahap Pengetahuan dan Sikap Mahasiswa Pendidikan Geografi terhadap Aktiviti Kesukarelawanan*

| Konstruk                                                  | Pekali Pearson (r) | Korelasi | Tahap Signifikan | Interprestasi Hubungan | Kekuatan |
|-----------------------------------------------------------|--------------------|----------|------------------|------------------------|----------|
| Tahap Pengetahuan dan Sikap Mahasiswa Pendidikan Geografi | 0.71               |          | 0.00             | Kuat                   |          |

**\*\*Signifikan pada aras 0.01**

**4.4 Keputusan Ujian Hipotesis Kajian**

Jadual 6 menunjukkan hipotesis yang telah dijalankan. Hipotesis null ( $H_0$ ) iaitu tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dan sikap mahasiswa pendidikan Geografi terhadap aktiviti kesukarelawanan adalah ditolak. Manakala bagi hipotesis alternatif ( $H_a$ ) terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dan sikap mahasiswa pendidikan Geografi terhadap aktiviti kesukarelawanan adalah diterima.

**Jadual 6.**

*Keputusan Ujian Hipotesis Kajian*

| Hipotesis | Pernyataan                                                                                                                                 | Keputusan |
|-----------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------|
| $H_0$ :   | Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dan sikap mahasiswa pendidikan Geografi terhadap aktiviti kesukarelawanan | Ditolak   |
| $H_a$ :   | Terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dan sikap mahasiswa pendidikan Geografi terhadap aktiviti kesukarelawanan       | Diterima  |

**5. Perbincangan**

Penentuan tahap pengetahuan pendidikan Geografi yang boleh diaplikasikan dalam aktiviti kesukarelawanan memperoleh tahap skor min yang tinggi iaitu nilai min antara 4.40 hingga 4.84 dan menunjukkan pengetahuan dalam pendidikan Geografi ini boleh diaplikasikan dalam aktiviti kesukarelawanan. Nilai skor min tersebut adalah tinggi iaitu berada diantara 3.67 hingga 5.00 seperti yang ditetapkan oleh Landell (1997). Hal ini membuktikan objektif dan persoalan yang juga telah ditetapkan telahpun terjawab. Hasilnya, pengetahuan dalam pendidikan Geografi sememangnya boleh diaplikasikan dalam aktiviti kesukarelawanan.

Melihat kepada sikap mahasiswa terhadap pengalaman penglibatan dalam aktiviti kesukarelawanan, hasil dapatan kajian ini memperoleh tahap skor min yang tinggi bagi setiap pernyataan iaitu nilai min antara 4.57 hingga 4.87 dan menunjukkan sikap yang baik bagi mahasiswa pendidikan Geografi selepas memperoleh pengalaman atau melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawanan.

Nilai skor min tersebut adalah tinggi iaitu berada diantara 3.67 hingga 5.00 seperti yang ditetapkan oleh Landell (1997). Melalui hasil dapatan tersebut, objektif dan persoalan yang juga telah ditetapkan adalah tercapai. Mahasiswa mempunyai sikap yang baik setelah terlibat dengan aktiviti kesukarelawanan. Hasil perbincangan ini dapat disokong oleh penulisan artikel Noh (2021) dan Zikri (2022) yang menunjukkan sikap yang baik dan positif dalam aktiviti kesukarelawanan. Misalnya, menurut Noh (2021), semakin aktif mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanan, semakin banyak manfaat yang merekaperolehi. Dalam kajian ini, manfaat penglibatan dalam kesukarelawanan dilihat dari dua aspek iaitu pembangunan sosial dan pembangunan sosial. Setelah dianalisis untuk melihat kedua-dua pemboleh ubah iaitu tahap pengetahuan dan sikap, analisis korelasi Pearson telah membuktikan hubungan antara pengetahuan mahasiswa pendidikan Geografi dan sikap pengalaman keterlibatan dalam aktiviti kesukarelawanan ini wujud hubungan yang kuat. Hasil dapatan ini membuktikan objektif yang telah ditetapkan tercapai dan persoalan “adakah terdapat hubungan antara pengetahuan mahasiswa pendidikan Geografi dan sikap pengalaman keterlibatan diri dalam aktiviti kesukarelawanan” telahpun terjawab.

Implikasi kajian ini adalah kesedaran Geografi dalam konteks sosial. Hal ini kerana, pengetahuan dan kemahiran tentang Geografi dapat diaplikasikan dalam aktiviti kesukarelawanan sebagai contoh kemahiran pemetaan boleh digunakan dalam memetakan komuniti yang memerlukan bantuan. Bukan itu sahaja, pengetahuan tentang alam sekitar membantu dalam memulihara dan memelihara alam sekitar dengan lebih baik. Oleh itu, mahasiswa perlu lebih giat untuk menyertai projek lapangan atau program-program yang menggabungkan aspek Geografi dan kesukarelawanan.

## **6. Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, kajian ini dilaksanakan untuk mengkaji pengetahuan dan sikap mahasiswa Geografi terhadap aktiviti kesukarelawanan. Tuntasnya, objektif dan persoalan daripada kajian ini telah pun tercapai dan menjawab persoalan kajian. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, pengetahuan Geografi sememangnya boleh diaplikasikan dalam aktiviti kesukarelawanan. Bukan itu sahaja, mahasiswa pendidikan Geografi menunjukkan sikap yang baik setelah memperoleh pengalaman daripada penglibatan diri dalam aktiviti kesukarelawanan. Di samping itu, kajian ini telah membuktikan bahawa hubungan pengetahuan dan sikap mahasiswa pendidikan Geografi mempunyai hubungan yang kuat.

## 7. Penghargaan

Penulis merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam kajian ini secara langsung mahupun tidak langsung.

### Sumbangan Penulis:

**Penulis 1:** Konseptualisasi, Metodologi, Data kurasi, Menulis draf, Penyelidikan, Penulisan dan penyuntingan. **Penulis 2,3:** Menyelia dan memeriksa.

**Konflik Kepentingan:** Penulis-penulis mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan yang wujud. Penulis mengesahkan bahawa semua data yang menyokong dapatan kajian ini tersedia sepenuhnya dalam artikel ini. Semua maklumat yang digunakan untuk menjana hasil analisis, sama ada dalam bentuk teks, jadual, atau contoh yang dibincangkan, telah dihuraikan secara telus dan boleh dirujuk secara langsung oleh pembaca tanpa memerlukan sumber tambahan.

## 8. Rujukan

- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610.  
<https://doi.org/10.1177/001316447003000308>
- Landell, K. (1997). *Management by menu*. London: Wilay and Sms Inc.
- Muhibbin & Marfuatun (2020). Urgensi Teori Hierarki Kebutuhan Maslow dalam Mengatasi Prokrastinasi Akademik Di Kalangan Mahasiswa. *Jurnal Ilmu Kependidikan*, 15(2), 69-80. Diperoleh daripada [https://scholar.archive.org/work/44pa5d2juvdfdl2irfgswuznkq/access/wayback/http://ejournal.hamzanwadi.ac.id/index.php/edc/article/download/2714/pdf\\_39](https://scholar.archive.org/work/44pa5d2juvdfdl2irfgswuznkq/access/wayback/http://ejournal.hamzanwadi.ac.id/index.php/edc/article/download/2714/pdf_39)
- Nasir, Aisyah & Norlina (2014). Peranan Amalan Kesukarelawanan Terhadap Kesihatan Jiwa. University Teknologi Malaysia.
- Noh, N. A., & Zahid, A. Z. M. (2021). Manfaat penglibatan dalam kesukarelawanan terhadap pembangunan kemahiran dan sosial dalam kalangan Mahasiswa Persatuan Kelab Penyayang. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 15, 67-84.
- Shah, A. H. H., Hadi, A. S., Idrus, S., & Fariz, A. (2013). Geografi sebagai sintesis: Meneliti kembali peranan geografi di sebalik pola reruang.
- Yarwood, R. (2005). Geography, citizenship and volunteering: Some uses of the higher education active community fund in geography. *Journal of Geography in Higher Education*, 29(3), 355-368. Diperoleh daripada <https://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1080/03098260500290918>
- Zainal Abidin Safarwan. 1997. Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors

- Zikri, S. Y., Ismail, K., Zulkifli, A. S., Hashim, N., & Zainuddin, N. A. (2022).  
Penglibatan belia dalam aktiviti kesukarelawan di Malaysia: Sumbangan dan  
peranan. *Proceedings Science, Ethics & Civilization*, 1, 30-36.
- Zohir, A. (2016). Pendidikan Geografi di Sekolah-Sekolah Malaysia: Perkembangan  
dan Isu: Geography Education in Malaysian Schools: Development and  
Issues. *Jurnal Geografi*, 4(1), 1-10. Diperoleh daripada  
<http://ojs.upsi.edu.my/index.php/GEOG/article/view/1906>